

TAZKIRAH

Yang Berhormat
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman,
MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Menyampaikan Tazkirah di
Majlis Sambutan Awal Tahun
1436 Hijrah
Peringkat Negara**

Pada Hari Jumaat
29 Zulhijjah 1435 bersamaan
24 Oktober 2014

Jam 5.00 petang

Bertempat di
Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah,
Kampong Kiarong
Negara Brunei Darussalam

TAZKIRAH MAJLIS SAMBUTAN AWAL TAHUN HIJRAH 1436

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الحمد لله ربّ العالمين، وبه نستعين على أمور الدنيا والدين،
والصّلاة والسّلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيّدنا محمّد وعلى آله وصحبه أجمعين
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, Kita mendapat limpah rahmat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menyempati tahun baharu Hijriah 1436.

Kita melangkah masuk ke dalamnya melewati gerbang tahun 1435, singgah berhenti sebentar di penghujung waktu 'asar menjelang waktu maghrib dengan melafazkan do'a akhir tahun.

Kemudian kita teruskan masuk ke dalam detik-detik permulaan tahun baharu dengan melafazkan pula do'a awal tahun.

Kedua-duanya kita lakukan secara *jama'ie*, secara kolektif berjema'ah ramai.

Yang penting disebutkan untuk catatan sejarah ialah kita melakukannya pada peringkat kenegaraan. Di sini, di Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah, di masjid-masjid utama dan masjid-masjid lain seluruh negara.

Apa signifikannya?

Yang jelas terang ialah bahawa hari ini untuk kesekian kalinya dalam era pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji 'Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-29, Brunei negara kita yang bergelar Darussalam ini mengakhiri dan memulakan tahun hijrah dengan do'a.

Artinya kita adalah bangsa yang yakin kepada kesan baik berdo'a memohon pertolongan Allah dalam kehidupan bermasyarakat, berbangsa dan berpemerintahan, bernegara.

Kita yakin bahawa do'a itu ada berkatnya. Kita dapat merasakannya dalam banyak keadaan dan suasana yang pernah kita alami.

Ya! Kita berdo'a kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang menciptakan siang dan malam. Tuhan yang mengaturkan hitungan hari dan bulan serta menetapkan kiraan tahun menerusi *sunnatullah* atau *aturan tetap Allah* ke atas alam semesta.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah Al-An'am ayat 96:

فَالِقُ الْإِصْبَاحِ وَجَعَلَ اللَّيْلَ سَكَنًا وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ حُسْبَانًا
ذَلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ

Tafsirnya:

Dia menyingsingkan sinar pagi dan menjadikan malam untuk beristirahat serta (menjadikan peredaran) matahari dan bulan untuk mengira waktu. Yang Demikian itu ialah ketentuan Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Mengetahui.

(Surah al-An'am: 96)

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* seterusnya menjelaskan sambil memperingatkan bahawa zat yang memiliki sifat-sifat dan kekuasaan yang maha perkasa lagi maha mengetahui sedemikian itu ialah Tuhan kamu yang sebenar-benarnya.

Tiada tuhan yang berhak *disembah*, iaitu disembah dalam makna ditumpukan ibadat kepadaNya melainkan kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, pencipta segala sesuatu maka *sembahlah* Dia. Dan Dialah Maha Pemelihara segala sesuatu.

Penjelasan dan peringatan daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sedemikian itu adalah firmanNya dalam Surah al-An'am ayat 102:

ذَٰلِكُمْ اللَّهُ رَبُّكُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ خَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ
فَاعْبُدُوهُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ وَكِيلٌ ﴿١٠٢﴾

Tafsirnya:

Yang (memiliki sifat-sifat dan kekuasaan yang) sedemikian itu ialah Allah Tuhan kamu, tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Pencipta segala sesuatu maka sembahlah Dia. Dan Dialah Maha Pemelihara segala sesuatu.

(Surah al-An'am: 102)

Maka tepatlah kita berdo'a memohon kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Kerana do'a itu adalah ibadat. Dan ibadat hanya kepada Allah. Bukan kepada yang lain.

Lebih bersignifikan lagi ialah do'a kita itu secara ringkasnya berupa pernyataan, *statement* sambil mengakui bahawa ada ketikanya dalam tahun lepas kita lalai atau gagal menghindari larangan Allah lalu terlanjur berdosa namun kita belum bertaubat maka kita memohon diampunkan, mohon tidak disiksa dan tidak diazab kerana dosa maksiat.

Dan pada tahun lepas itu juga kita ada melakukan perkara-perkara yang baik maka kita memohonkan keredhaan Allah ke atasnya. Kita berharap mendapat ganjaran pahala yang setimpal atas perbuatan taat kita itu.

Sementara untuk tahun baharu ini kita memohon perlindungan Allah daripada tipu daya syaitan dan daripada kunci-kuncunya serta daripada bala tenteranya.

Kita mohon pertolongan Allah untuk melawan dan mengalahkan tuntutan *nafsu ammarah*, nafsu yang mendorong ke arah kejahatan.

Dan seterusnya untuk setahun mulai masuknya waktu maghrib tadi kita memohonkan supaya ditimbulkan rasa dan kemahuan yang kuat untuk melakukan perkara-perkara yang berkebaikan yang akan mendamping-dekatkan diri kita kepada Allah.

Demikian pengakuan dan harapan yang kita lafazkan di masjid rumah Allah ini.

Maka dengan demikian kita sebenarnya menyerahkan diri kepada kekuasaan Allah. Kita mengharapkan belas kasihan Allah.

Alangkah sikap dan keolahan yang sedemikian itu sangat tinggi nilainya di sisi Allah.

Orang yang sedar akan kekurangan dan kelemahannya adalah orang yang sedar dan insaf bahawa dirinya adalah manusia, bukan malaikat dan bukan pula iblis.

Dia sedar bahawa sebagai manusia dia adalah hamba Allah. Dia berkehidupan di dunia ini berkongsi ruang dan peluang dengan sesama hamba Allah yang lain.

Dengan kesedaran itu dan dengan keinsafan sedemikian itu dia pun bertaubat dan beristighfar atas dosa dan keterlanjurannya.

Dalam merasa berdosa itu dia tetap bersangka baik kepada Allah.

Ini penting. Bahawa Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan keluasan rahmatNya akan menerima taubat dan memperkenankan istighfar akan meredhai perkara-perkara yang baik yang dilakukan oleh hamba-hambaNya yang beriman kepadaNya.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tidak mendendam. Jika Dia berkehendak dengan rahmatNya yang sangat luas, Dia akan memberi nilai dan ganjaran kepada perbuatan yang baik yang dilakukan oleh hambaNya yang bertaubat, hambaNya yang beristighfar memohon ampun kepadaNya.

Apa untungnya bertaubat dan beristighfar itu? Tentu ada untungnya!

Terutama sekali kepada kita selaku individu yang juga selaku komponen masyarakat, bangsa dan umat.

Kita tentu mahukan jaminan kemakmuran yang membawa kesejahteraan.

Kita tentu sahaja ingin kekal dalam aman tenteram yang membawa kepada kebahagiaan.

Dan selaku individu, selaku masyarakat, selaku bangsa dan umat yang bernegara dan berpemerintahan kita tentu sekali mahu menambah kekuatan dengan mempunyai anak pinak yang baik, zuriat keturunan yang ramai, generasi penerus yang kekal beriman.

Allah menjamin semua itu jika kita insaf, sedar akan dosa lalu beristighfar meminta ampun dan bertaubat kepadaNya.

Cuba perhatikan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam Surah Hud ayat 52:

وَيَقَوْمٍ أَسْتَغْفِرُوا رَبَّهُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ يُرْسِلِ السَّمَاءَ
عَلَيْكُمْ مَدْرَارًا وَيَزِدْكُمْ قُوَّةً إِلَى قُوَّتِكُمْ وَلَا تَتَوَلَّوْا
مُجْرِمِينَ ﴿٥٢﴾

Tafsirnya:

Dan (Nabi Hud 'alaihissalam berkata):" Wahai kaumku! Mohonlah ampun kepada Tuhan kamu kemudian bertaubatlah kepadaNya, nescaya Dia akan mencurahkan hujan yang lebat dan menambahkan kamu kekuatan (harta dan anak-anak) di samping kekuatan kamu yang sedia ada dan janganlah kamu berpaling dengan terus melakukan dosa".

(Surah Hud: 52)

Itu faedahnya bertaubat dan beristigfar. Ada banyak lagi faedahnya.

Hadhirin yang berbahagia,

Signifikan yang lain daripada majlis yang kita hadiri ini ialah Tahun Hijrah adalah disambut secara kenegaraan.

Tegasnya: Brunei iaitu Kerajaan dan rakyat serta penduduknya menyambut awal tahun hijrah dengan memperingati peristiwa Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* meninggalkan tanah tumpah darah baginda Makkah berpindah ke Madinah.

Peristiwa perpindahan baginda itu disebut dalam sejarah Islam sebagai *hijrah* yang dijadikan permulaan hitungan tahun kalendar Islam.

Kita sudah banyak mendengar dan mengikuti ceritanya.

Dalam kesempatan yang sempit waktunya ini, memadailah kita menyebutkan bahawa hijrah baginda itu adalah dengan izin dan perintah Allah.

Ya! Baginda berpindah meninggalkan negeri tumpah darah baginda Makkah berhijrah ke Madinah yang pada waktu itu bernama Yatsrib adalah dengan izin dan perintah Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Bukan semau-mau baginda.

Latar belakangnya ialah setelah ajaran agama Islam yang baginda terima daripada Allah ditolak oleh kaumnya. Baginda dan pengikut-pengikut baginda dimusuhi, diboikot. Bekalan bahan makanan untuk baginda dan pemeluk-pemeluk Islam yang tidak pun ramai bilangannya pada waktu itu telah *diembargo*.

Pendek kata pembesar-pembesar musyrik Makkah merasa terancam oleh ajaran Islam dan kemunculan pemeluk-pemeluknya sebagai kekuatan yang akan mengubah *status quo* kepimpinan dan *social landscape* Makkah. Mereka pun menghalang ajaran Islam didakwahkan bahkan mereka mencegahnya dari diamalkan oleh pemeluk-pemeluknya.

Dan kemuncaknya ialah nyawa baginda terancam dengan pakatan untuk membunuh baginda yang dirancang oleh pembesar-pembesar dari beberapa puak, kabilah dalam kaum Quraisy. Mereka menubuhkan *squad pembunuh*, iaitu pasukan yang dianggotai oleh sebilangan pemuda-pemuda mereka untuk membunuh baginda.

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* mengetahui pakatan jahat mereka itu menerusi malaikat Jibril yang diperintahkan oleh Allah turun menemui baginda menyampaikan tentang pakatan jahat itu dan seterusnya menyampaikan perintah izin berhijrah.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam Surah al-Anfal ayat 30:

وَإِذْ يَمْكُرُ بِكَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِيُثْبِتُوكَ أَوْ يَقْتُلُوكَ أَوْ يُخْرِجُوكَ
وَيَمْكُرُونَ وَيَمْكُرُ اللَّهُ وَاللَّهُ خَيْرُ الْمَكْرِينَ ﴿٣٠﴾

Tafsirnya:

Dan ingatlah (wahai Nabi Muhammad) ketika orang-orang kafir musyrik (Makkah) menjalankan tipu daya terhadapmu untuk menahanmu atau membunuhmu atau mengusirmu (dari negeri Makkah).

Mereka merancang tipu daya (untuk membunuhmu) dan Allah menggagalkan tipu daya (mereka itu). Dan Allah adalah sebaik-baik pembalas tipu daya.

(Surah al-Anfal: 30)

Maksudnya ialah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* Maha Bijak mengatur rancanganNya untuk menyelamatkan baginda dan memelihara kelangsungan agama Islam sebagai agama yang diredhaiNya untuk dilaksanakan syari'ahnya didakwah dan dikembangkan yang akan membawa rahmat kepada sekalian alam, *rahmatan lil -'alamien*.

Memang tepat. Allah Maha Mengetahui. Hijrah ke Madinah itulah rancangan besar Allah mengalahkan pakatan dan tipu daya musyrikin Makkah.

Seterusnya hijrah baginda itu merupakan pelaksanaan rancangan Allah menjadikan Madinah tapak penubuhan masyarakat dan pemerintahan negara Islam menurut akidah dan syari'ahnya yang diajarkan kepada Nabi Muhammad Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, nabi Allah yang terakhir.

Maha Benar Allah dengan janjiNya menyelamatkan ajaran Islam. Dan Maha Bijaksana Allah dengan rancanganNya mentakdirkan Islam itu didakwahkan dan berkembang ke semua pelusuk dunia.

Itu terjadi bukan sekelip mata. Ia memakan waktu bukan puluhan malah ratusan tahun lamanya.

Itu terjadi bukan semudah menyebutkan firman dan hadits yang menjadi sumber ajarannya. Ia menyaksikan banyak pengorbanan generasi demi generasi umat Islam melawan musuh-musuh mereka dan mempertahankan keutuhan wilayah Islam dan kelangsungan Islam sebagai agama anutan mereka.

Ya! Tidak sekelip mata dan tidak semudah mana.

Contohnya: Islam itu hanya sampai ke Brunei kita setelah ratusan tahun selepas Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* wafat. Brunei bertuah menerimanya setelah ajaran Islam itu berkembang dengan *feqahnya* dan *usulnya* atau *'aqidahnya* menurut aliran mazhab-mazhab *feqah* dan *usul*.

Dan sejak raja Brunei Awang Alak Betatar menerima dan memeluk Islam kira-kira pada tahun 1363 dan menjadi raja Brunei yang beragama Islam dengan mendapat nama dan gelaran Islam, Sultan Muhammad, Islam telah menjadi anutan dan pegangan Brunei turun temurun.

Ya! Tidak sekelip mata dan tidak semudah mana. Kerana Islamnya itu, Brunei pernah diperangi oleh musuh yang mahukan Brunei meninggalkan Islam dan menerima ugama lain yang telah datang dan berkembang di wilayah lain yang sebelumnya merupakan wilayah kesultanan Islam Brunei. Tetapi takdir Allah sudah menentukan Brunei dan pemerintahan berajanya akan kekal dengan Islam. Maka tidak lama kemudian musuh yang dengan ganas menakluki Brunei dan sempat membakar masjidnya dapat dikalahkan dan berundur.

Bayangkan, ya! Bayangkan andainya musuh yang menyerang dan sempat menakluki Brunei pada tahun 1678 Masehi itu berhasil dengan tujuannya menukar ugama Islam anutan Brunei dengan ugama lain dan kekal bertapak di bumi Brunei selama lebih tiga ratus tahun sampai ke zaman kita sekarang, bayangkanlah jika semua itu terjadi maka siapalah kita sekarang?

Namun Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijak Merancang mengekalkan zuriat Brunei turun temurun mendapat hidayahNya beragama Islam.

Dan pada zaman kita sekarang, Islam itu benar-benar menjadi pegangan, diletakkan paling hadapan, dijadikan suluh panduan berpemerintahan.

Dan yang sedemikian itu, menurut Raja kita yang menjadi *wali al-amri* memerintah Brunei selaku Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-29, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien – ya! Menurut Baginda, Islam yang dihadapankan, dijadikan suluh panduan, itu adalah suatu *tuah* kepada Brunei.

Maka dengan demikian kita semua bersyukur. Kita iaitu Brunei wajib mensyukuri dengan memuji Allah mengucapkan lafaz pujian *Alhamdulillah* kerana mentakdirkan Brunei menerima Islam walaupun setelah ratusan tahun peristiwa hijrah Nabi ke Madinah berlangsung dan meredhai Islam itu kekal menjadi anutan Brunei yang menurut Rajanya adalah suatu *tuah* kepada Brunei.

Dan dengan itu kita wajib pula menyembahkan junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan dengan sembah sanjungan menjunjung tinggi kepimpinan Baginda yang bijaksana lagi adil saksama.

Brunei menerima Islam dan kekal dengan Islam. Itu suatu ni'mat Allah kepada kita. Ni'mat iman dan Islam yang wajib kita syukuri.

Mensyukuri ni'mat Allah ialah dengan menerimanya sebaik-baiknya, memakai dan menggunakannya sebaik-baiknya, mengusahakannya sebaik-baiknya bagi mendapatkan nilai tambah daripadanya dan kepadanya.

Maknanya, kita berusaha untuk kekal menjadi orang Islam yang baik. Sentiasa memelihara keIslaman kita dengan baik.

Dan maknanya lagi: kita mempertahankan Islam sebagaimana ia telah dipertahankan oleh Nabi dan pengikut-pengikut Islam pada zaman permulaannya yang dengan kehendak Allah juga mentakdirkan kelangsungan Islam itu merentas ribuan tahun dan zaman sehingga ke akhir zaman.

Dan memang sudahpun kita buktikan bahawa kita kini adalah kita yang Islamnya baik dan negara kita Brunei adalah negara Islam yang baik.

Mengenai hal ini, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul 'Alam, arkitek Brunei moden, Tokoh Ugama, Tokoh Sastera Islam Negara, dan Tokoh Adat Isti'adat Sepanjang Zaman, telah merakamkannya dalam rangkap untaian syair baginda:

*"Bendera Islam pakin negerinya
Ketua negara benar tiangnya
Rakyat sekalian jadi pasaknya
Baharulah baik peraturannya"*

*"Kupuhonkan kepada Tuhan yang Ma'abud
Sesama kita jangan bagagut
Sama ada di pinggir atau di sudut
Bersama-samalah kita menyikut"*

Dan memang sudahpun kita buktikan bahawa sembah junjung kasih kita menjunjung tinggi kebijaksanaan-kebijaksanaan Raja dan *Wali al-Amri* kita Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memimpin rakyat dan menerajukan negara dengan berpegang teguh kepada Islam – kita buktikan dengan taat setia yang bulat tidak berbelah bahagi sambil sentiasa mendo'akan semoga Allah memelihara Baginda dan negara.

Hadhirin yang berbahagia,

Dalam bahagian akhir *Tazkirah* ini mustahak juga disebutkan bahawa ugama Islam yang tidak dibelakangkan malah diletakkan paling hadapan sebagai suluh dan panduan itu ialah ugama yang telah dianuti dan dikembangkan sejak zaman berzaman. Dan pada zaman Brunei modern ini ia telah dikembang majukan pada era pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sekarang. Asas pengembangannya telah diletakkan dengan kukuh oleh ayahanda Baginda Al-Marhum Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Dalam tempoh lebih enam dekad itu hingga sekarang ugama Islam telah mendapat kedudukan yang prominan dalam kehidupan bangsa Brunei yang taat berugama. Dan sepanjang tempoh itu juga Brunei menerima dan menyambut baik khidmat bakti anak-anak watan yang berpendidikan tinggi Islam.

Mereka – dengan sokongan jentera pemerintahan – telah mendakwahkan Islam sebagai *ugama yang dinamik yang merangsang kemajuan yang seimbang antara kepentingan dunia dan akhirat*, sesuai dengan ajaran Allah dalam firmanNya Surah al-Qasas ayat 77.

وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ
مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي
الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

Tafsirnya:

Dan carilah (pahala) negeri Akhirat dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu dan janganlah engkau melupakan bahagianmu daripada (kenikmatan) dunia. Dan berbuat baiklah sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu serta janganlah engkau melakukan kerosakan di bumi, sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melakukan kerosakan.

(Surah al-Qasas: 77)

Mereka mengetengahkan Islam sebagai agama yang inklusif merangkumi semua kalangan pemeluknya menurut kadar-kadar penghayatan yang berbeza seperti kandungan Surah Fathir ayat 32.

ثُمَّ أَوْرَثْنَا الْكِتَابَ الَّذِينَ أَصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ
لِنَفْسِهِ، وَمِنْهُمْ مُّقْتَصِدٌ وَمِنْهُمْ سَابِقٌ بِالْخَيْرَاتِ بإِذْنِ اللَّهِ
ذَلِكَ هُوَ الْفَضْلُ الْكَبِيرُ ﴿٣٢﴾

Tafsirnya:

Kemudian Kami mewariskan Kitab (al-Quran) itu kepada orang-orang yang Kami pilih daripada kalangan hamba-hamba Kami, maka antara mereka ada yang menzalimi dirinya sendiri dan antaranya ada yang bersikap pertengahan dan antaranya ada yang mendahului (orang lain) dalam berbuat kebaikan dengan izin Allah. Yang demikian itu ialah limpah kurnia yang besar.

(Surah Fathir: 32)

Dan serentak dengan itu mereka berusaha mengukuhkan pegangan Brunei kepada Islam sebagai agama pilihan Allah untuk kekal menjadi anutan sehingga ke akhir hayat setiap pemeluknya. Ini bertepatan dengan dengan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam ayat 132 Surah Al-Baqarah.

وَوَصَّي بِهَا إِبْرَاهِيمَ بَنِيهِ وَيَعْقُوبَ يَبْنِيَّ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَى لَكُمْ الدِّينَ
فَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٣٢﴾

Tafsirnya:

Dan Nabi Ibrahim pun berwasiat dengan agama itu kepada anak-anaknya, dan demikian juga Nabi Ya'qub. (Nabi Ibrahim 'alaihissalam berkata: "Wahai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih agama (Islam) ini bagi kamu maka janganlah sekali-kali kamu mati melainkan kamu tetap sebagai orang Islam".

(Surah Al-Baqarah: 132)

Sesungguhnya mereka yang berpendidikan agama itu dari awal tahun 50'an lagi telah dirancang oleh Kerajaan untuk menjadi agamawan, menjadi orang agama. Syukur mereka telah dapat memainkan peranan yang efektif, secara kolektif dan secara perseorangan, secara – *jama'ie* dan secara *fardi* – dengan mendapat kerjasama dan sokongan bahkan dengan diberi laluan oleh rakan-rakan segenerasi mereka pegawai-pegawai Kerajaan khususnya BAS, Pegawai-Pegawai Pentadbir Brunei, Guru-Guru, Pegawai-Pegawai Pelajaran, Pegawai dalam pasukan Polis dan Angkatan Bersenjata, dan lain-lain sector perkhidmatan Kerajaan. Pegawai-Pegawai itu meskipun dari aliran pendidikan yang lain namun telah turut sama berperanan menjayakan dasar Kerajaan mengembang Islam sebagai agama rasmi dengan mengukuhkan institusi-institusi Islam.

Sesungguhnya dengan demikian itulah Islam berada pada tempatnya yang wajar dalam arus perdana, dalam *main stream* negara. Tidak dikesampingkan atau dipinggirkan, malah sebagaimana titah sempena Hari Raya 'Eidulfitri yang lalu, Islam itu *tidak dibelakangkan malah diletakkan paling hadapan sebagai suluh dan panduan*.

Alhamdulillah. Untuk masa hadapan Brunei seterusnya sekarang sudah tersedia ada generasi baharu *agamawan* Brunei. Mereka tentu boleh berbuat yang lebih baik berdasarkan luas dan banyaknya pendedahan mereka untuk terus bersama dengan rakan segenerasi mereka dalam bidang-bidang lain.

Kita menaruh keyakinan bahawa kedua-dua generasi baru agamawan dan non-agamawan ini akan dapat mengekalkan budaya saling membantu untuk menjayakan Brunei yang telah bertuah menerima Islam sebagai agama anutan dan dijadikan suluh dan panduan berpemerintahan.

Dan itulah antara signifikan Brunei menyambut awal tahun Hijrah secara kenegaraan. Ia menegaskan komitmen negara kepada Islam sebagai agama yang telah berpengaruh mewujudkan keamanan

kepadanya sambil rakyat dan penduduknya menikmati kemakmuran daripada limpah rezeki Allah berkat pegangan kuat kepada agama yang diredhai Allah itu.

Demikianlah.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

- **Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman.**
(Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri).

Pejabat Menteri,
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,
Bandar Seri Begawan.
Khamis, 28 Zulhijjah 1435/ 23 Oktober 2014